

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 12 OGOS 2017 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Piawaian MS madu kelulut dibangunkan	Utusan Malaysia
2.	Piawaian MS madu kelulut dibangunkan	Utusan Online
3.	Produk terbiodegrasi jerami jana RM7 juta	Berita Harian Online
4.	Dr Noor Hasnah pakar nuklear diiktiraf antarabangsa	Berita Harian Online

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 26
TARIKH : 12 OGOS 2017 (SABTU)

Piawaian MS madu kelulut dibangunkan

PUTRAJAYA 11 Ogos - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui Jabatan Standard membangunkan Standard Malaysia (MS) 2686 madu kelulut bagi menangani penjualan produk tiruan di pasaran tempatan.

Menterinya, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, piawaian yang dibangunkan itu merangkumi keperluan kualiti, kebersihan, pembungkusan dan pelabelan bagi madu kelulut yang dihasilkan oleh lebah jenis Meliponini.

"Ia akan digunakan sebagai rujukan oleh kementerian dan agensi berkaitan, pusat pengumpulan dan pihak pemprosesan serta pengeluaran produk madu kelulut dalam memastikan madu keluaran tempatan adalah selamat, berkualiti tinggi dan memenuhi keperluan pengguna.

"Jabatan Standard turut membangunkan MS 2679 iaitu Amalan



MADIUS TANGAU

Pertanian Baik (APB) lebah jenis Apini dan Meliponini sebagai rujukan dalam aktiviti pemeliharaan lebah untuk tujuan penghasilan madu berkualiti," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurutnya, industri madu kelulut sedang berkembang pesat di Malaysia apabila kini terdapat lebih kurang 1,000 penternak seluruh negara

dan dijangka terus meningkat pada masa akan datang.

Katanya, pengeluaran madu kelulut yang dihasilkan buat masa ini tidak mampu memenuhi permintaan yang tinggi sehingga menyebabkan harga meningkat.

"Keadaan ini seterusnya mendorong kemasukan madu kelulut tiruan dalam pasaran sekali gus boleh menjejaskan keyakinan pengguna dan telah merendahkan imej produk tempatan," katanya.



Piawaian MS madu kelulut dibangunkan

PUTRAJAYA 11 Ogos – **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** melalui Jabatan Standard membangunkan Standard Malaysia (MS) 2686 madu kelulut bagi menangani penjualan produk tiruan di pasaran tempatan.



Madius Tangau

Menterinya, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, piawaian yang dibangunkan itu merangkumi keperluan kualiti, kebersihan, pembungkusan dan pelabelan bagi madu kelulut yang dihasilkan oleh lebah jenis Meliponini.

“Ia akan digunakan sebagai rujukan oleh kementerian dan agensi berkaitan, pusat pengumpulan dan pihak pemprosesan serta pengeluar produk madu kelulut dalam memastikan madu keluaran tempatan adalah selamat, berkualiti tinggi dan memenuhi keperluan pengguna.

“Jabatan Standard turut membangunkan MS 2679 iaitu Amalan Pertanian Baik (APB) lebah jenis Apini dan Meliponini sebagai rujukan dalam aktiviti pemeliharaan lebah untuk tujuan penghasilan madu berkualiti,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurutnya, industri madu kelulut sedang berkembang pesat di Malaysia apabila kini terdapat lebih kurang 1,000 penternak seluruh negara dan dijangka terus meningkat pada masa akan datang.

Katanya, pengeluaran madu kelulut yang dihasilkan buat masa ini tidak mampu memenuhi permintaan yang tinggi sehingga menyebabkan harga meningkat.

“Keadaan ini seterusnya mendorong kemasukan madu kelulut tiruan dalam pasaran sekali gus boleh menjejaskan keyakinan pengguna dan telah merendahkan imej produk tempatan,” katanya.



Produk terbiodegrasi jerami jana RM7 juta

PENDANG: Jerami padi yang dahulunya hanya dianggap sisa pertanian tidak bernilai, kini mampu ditransformasi menjadi produk terbiodegrasi yang mampu menghasilkan pendapatan lebih RM7 juta setahun.

Inisiatif itu adalah sebahagian daripada hasil Projek Jerami Padi yang dibangunkan di bawah Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP), dengan dikawal selia **Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation)**.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau, berkata projek berkenaan membabitkan perjanjian 10 tahun antara syarikat berstatus BioNexus, Free The Seed Sdn Bhd (Free The Seed) dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pendang Selatan.

"Melalui perjanjian ini, PPK terbabit akan membekalkan 57,000 metrik tan jerami padi secara eksklusif daripada 12 estet mereka yang memiliki keluasan 1,937.7 hektar kepada Free The Seed.

"Projek ini dianggarkan memberi pendapatan tambahan kumulatif sebanyak minimum RM7.41 juta kepada lebih 2,400 peserta dari 800 isi rumah sepanjang 10 tahun kontrak," katanya selepas menyaksikan Majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian Jual Beli antara Free The Seed dan PPK Pendang Selatan di sini.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi dan Inovasi negeri, Datuk Nor Sabrina Mohd Nor; Ketua Pegawai Eksekutif Free The Seed, Dr Ramaness Parasuraman dan Pengerusi Jemaah Pengarah PPK Pendang Selatan, Abdullah Mohamad.

Mengulas usaha sama itu, Wilfred berkata bekalan jerami padi akan diproses Free The Seed melalui teknologi enzim berpaten tersendiri untuk menghasilkan produk pembungkusan terbiodegradasi bagi pasaran tempatan dan eksport, termasuk ke Belanda, Jerman dan United Kingdom.

"Ciptaan teknologi Free The Seed yang menggunakan tindak balas enzim itu dipatenkan di bawah World Intellectual Property Organisation (WIPO) yang membenarkan syarikat untuk menghasilkan kira-kira 60 juta unit bahan pembungkusan setahun.

"Teknologi mereka juga mampu menukar sisa pertanian padi kepada pelbagai bentuk produk pembungkusan untuk industri makanan, penggunaan hospital dan pembungkusan barangan pembuatan.

"Inovasi ini adalah satu contoh penemuan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) yang diaplikasikan ke dalam industri, seterusnya menjana pendapatan dan pekerjaan, selain menekankan sumbangan masyarakat luar bandar kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia melalui STI," katanya.

Pada masa sama, beliau mengakui projek terbabit turut membantu menyelesaikan pelbagai masalah yang membabitkan lambakan jerami padi seperti pembakaran terbuka yang boleh mengundang pencemaran udara.

"Dianggarkan 500,000 tan metrik sekam dan jerami padi dihasilkan industri beras negara ini dalam tempoh setahun dan pelupusannya menjadi bebanan kepada petani, malah saya difahamkan negara menghasilkan 600,000 kilogram karbon dioksida setahun dari pembakaran terbuka jerami padi," katanya.



Dr Noor Hasnah pakar nuklear diiktiraf antarabangsa



KUALA LUMPUR: Pengalaman hampir 37 tahun bersama **Agensi Nuklear Malaysia** bukan saja mengiktiraf kepakaran Dr Noor Hasnah Mohamed Khairullah, 61, dalam pembangunan nuklear tanah air tetapi lebih membanggakan beliau turut dianggap pakar rujuk di peringkat global.

Rundingan diplomasi nuklear pelbagai hala dan perundangan nuklear antarabangsa memang menjadi kepakarannya, malah idea beliau pernah dianggap pemutus dan penentu kepada pendirian kerajaan dalam menyuarakan pendapat serta pandangan mengenai isu nuklear antarabangsa.

Biarpun sudah bersara daripada jawatan terakhirnya sebagai Pegawai Penyelidik Kanan yang juga Pengurus Kumpulan Teknologi Radiofarmaseutikal di agensi berkenaan, Noor Hasnah dan nuklear sukar dipisahkan apabila masih aktif dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Women in Nuclear (WiN).

Beliau juga adalah presiden WiN bagi penggal 2017-2018 selain bertanggungjawab sebagai Chief Rapporteur dan Penyelaras bagi Persidangan Antarabangsa Mengenai Wanita dalam Sains, Teknologi dan Inovasi anjuran ISTIC-UNESCO, yang berlangsung Mei lalu.

Antara sumbangan besar beliau terhadap pembangunan nuklear negara adalah kejayaannya membangunkan sistem pengurusan kualiti berasaskan Standard ISO 9000 bagi kemudahan penyinaran gama SINAGAMA sehingga menerima persijilan ISO 9000 pada tahun 1993.

Pengiktirafan antarabangsa yang diterima itu menjadikan perkhidmatan penyinaran gama berkenaan adalah entiti kerajaan pertama mendapat pensijilan terbabit pada ketika itu.

Noor Hasnah berkata, sepanjang pembabitannya dalam bidang nuklear, pengalaman bertugas sebagai atase sains di Perwakilan Tetap Malaysia di Vienna, Austria disifatkan paling berharga kerana ia memerlukan kecekapan beliau dalam menangani isu nuklear antarabangsa.

Suara di peringkat antarabangsa

"Saya ditugaskan di sana pada November 2005 hingga Januari 2011 membuatkan saya kerap kali diberi peluang menyampaikan kenyataan rasmi mewakili suara kerajaan Malaysia berhubung hal ehwal tenaga atom antarabangsa.

"Dalam kalangan rakan diplomatik negara anggota G77 dan pihak sekretariat Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) pula saya sering dianggap pakar rujuk terutama dalam mempertahankan hak masyarakat sejagat menerusi pemindahan teknologi nuklear bagi tujuan keamanan," katanya kepada BH.

Berikutan kehebatannya menangani isu nuklear di peringkat antarabangsa, Noor Hasnah juga sering kali diundang sebagai penceramah jemputan atau memimpin misi penting nuklear.

Ramai wanita mampu pegang jawatan

Katanya, pengalaman menjadi pakar di IAEA dalam bidang kawalan kanser di bawah Program Tindakan Terapi Kanser (PACT) memberi kesan mendalam apabila beliau turut diberi mandat memimpin dua misi pakar imPACT ke Mongolia dan Sri Lanka.

Melihatkan peluang yang pernah dikecapinya di peringkat antarabangsa, Noor Hasnah berkata, beliau percaya golongan wanita mempunyai masa depan yang cerah dalam bidang ini memandangkan ciri-ciri yang diperlukan secara semula jadi sudah sedia wujud dalam diri mereka.

"Bidang ini memerlukan kita sentiasa berhati-hati dan cermat terutama dalam mematuhi prosedur yang ditetapkan ketika bertugas.

"Melihatkan trend nisbah graduan wanita dalam bidang sains dan teknologi yang jauh lebih tinggi daripada lelaki, saya yakin lebih ramai mampu memegang jawatan di peringkat tertinggi dalam organisasi terutama dalam bidang nuklear," katanya.

Noor Hasnah berkata, setiap ketua organisasi juga perlu mengutamakan imbalan kerja dan kehidupan demi kepentingan pekerja terutama wanita yang disifatkan tunggak utama dalam pembangunan negara.

Profil:

Nama: Dr Noor Hasnah Mohamed Khairullah

Tarikh Lahir: 31 Oktober 1956

Tempat Lahir: Tapah, Perak

Kepakaran:

- Rundingan diplomasi nuklear pelbagai hala
- Perjanjian, konvensyen dan perundangan nuklear
- Menyediakan draf kenyataan kebangsaan dan resolusi Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA)
- Hal ehwal nuklear antarabangsa

Keanggotaan:

- Presiden Women in Nuclear (WiN) Malaysia
- Ahli Lembaga Women in Nuclear Global
- Ahli Jawatankuasa Malaysia Nuclear Society
- Alumni Women Directors Programme

Pencapaian:

- Membangunkan sistem pengurusan kualiti ISO 900 di SINAGAMA pada 1991 tanpa bantuan pakar runding
- Menangani audit ISO 9000 SIRIM untuk SINAGAMA